# Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
# Bilangan 9/2009

# Kuasa Memulakan Pendakwaan Mengikut Seksyen 429A
# Kanun Tanah Negara

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**
**PUTRAJAYA**

**© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

| | |
|---|---|
| Tajuk dokumen | Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 9/2009 |
| Disediakan oleh | Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan,<br>Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan,<br>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan |
| Alamat | Aras 4, Blok Menara,<br>Wisma Sumber Asli,<br>Presint 4,<br>No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,<br>62574 Kuala Lumpur |
| Telefon | 03-88712668 |
| Faks | 03-88810802 |
| E-mel | skpp@kptg.gov.my |
| Kategori dokumen | Terbuka |
| Tarikh kuat kuasa | 1 Januari 2010 |

**Kawalan Versi Dokumen**

| Versi | Tarikh | Ringkasan Pindaan |
|---|---|---|
| 1 | 1/1/2010 | — |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

## Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
## Bilangan 9/2009

### Kuasa Memulakan Pendakwaan Mengikut Seksyen 429A Kanun Tanah Negara

**Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai kuasa untuk memulakan pendakwaan di bawah seksyen 429A Kanun Tanah Negara (KTN) berikutan berkuat kuasanya Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] pada 1 Januari 2009.

**Latar Belakang**

2. Peruntukan seksyen 429A (1) dan (2) KTN yang dimasukkan melalui pindaan Akta A587 sebelum ini telah memberi kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberi kebenaran oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh menjalankan pendakwaan ke atas kes-kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah KTN. Selain itu juga, Pengarah Ukur dan Pemetaan boleh menjalankan pendakwaan hanya bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kerja-kerja ukur di bawah seksyen 400 dan 403 KTN.

3. Kuasa untuk memulakan pendakwaan ini telah pun disemak semula berikutan pandangan daripada Jabatan Peguam Negara semasa pindaan KTN melalui Akta A1333 iaitu dengan meminda peruntukan seksyen 429A KTN bagi memperjelaskan bahawa kuasa memulakan pendakwaan hanya terletak kuasanya dengan Pendakwa Raya. Ini adalah berdasarkan kes **Repco Holdings Bhd. lwn Timbalan Pendakwa Raya (1997) 4 CLJ 740** di mana penghakiman kes tersebut telah menyatakan bahawa pemberian kuasa untuk memulakan pendakwaan adalah terletak kepada Pendakwa Raya selaras dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Secara jelasnya, kuasa untuk memulakan pendakwaan adalah merupakan hak Peguam Negara di bawah Perlembagaan dan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah sebagaimana yang berikut di bawah:–

**Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan:–**

> *"(3) The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah court, a native court or a court-martial.*
>
> *(3A) Federal law may confer on the Attorney General power to determine the courts in which or the venue at which any proceedings which he has power under Clause (3) to institute shall be instituted or to which such proceedings shall be transferred."*

**Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah:–**

> *"(1) <u>The Attorney General shall be the Public Prosecutor</u> and shall have the control and direction of all criminal prosecutions and proceedings under this Code".*

4. Menerusi Akta Tafsiran 1948 dan 1967, pemakaian perkataan Peguam Negara telah ditakrifkan sebagai Pendakwa Raya sebagaimana dalam takrifan berikut:–

> *"<u>Public Prosecutor means the Attorney-General</u>, and includes (within scope of his authority) a Deputy Public Prosecutor appointed under any written law relating to criminal procedure and a person authorized by any such law to act as or exercise all or any of the powers of the Public Prosecutor or a Deputy Public Prosecutor."*

**Prosedur Mendakwa**

5. Pindaan kepada Seksyen 429A KTN menjelaskan bahawa kebenaran secara bertulis perlu diperoleh daripada Pendakwa Raya bagi membolehkan Pentadbir-pentadbir Tanah memulakan sesuatu tindakan pendakwaan di Mahkamah untuk kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di bawah KTN.

6. Berikutan itu, Pendakwa Raya boleh memberikan kebenaran secara bertulis seperti di **Lampiran A** sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 377(b)(3) Kanun Tatacara Jenayah yang menyebut:–

> *"**377. Conduct of prosecutions in Court***
>
> *Every criminal prosecution before any court and every inquiry before a Magistrate shall, subject to the following sections, be conducted–*
>
> *(a) ...*
>
> *(b) subject to the control and direction of the Public Prosecutor, by the following persons who are authorised in writing by the Public Prosecutor:*
>
> *(1) ...*
>
> *(2) ...*
>
> *(3) an officer of any Government department;"*

**Pemakaian**

7. Pemakaian Pekeliling ini adalah terhad kepada pegawai-pegawai yang telah dilantik dan diberi kuasa serta ditauliahkan secara bertulis sebagai Pegawai Pendakwa untuk kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam KTN.

**Tarikh Kuat Kuasa**

8. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara mula berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333.

**(DATO' ABD. HALIM BIN AIN)**
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6
Tarikh: 1 Jun 2009

LAMPIRAN A

Kanun Tanah Negara

**IZIN UNTUK MENDAKWA**
**DI BAWAH SEKSYEN 429A**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan menurut seksyen 429A, Kanun Tanah Negara, saya .......................................(Nama Timbalan Pendakwa Raya)..........................................., dengan ini, memberikan izin bagi pendakwaan ke atas:

Nama: ..........................................................................

No. Kad Pengenalan: ..............................................

Bagi kesalahan di bawah Kaedah ........... Kaedah-Kaedah Tanah Negeri .............................. dan boleh dihukum di bawah .................. Kaedah yang sama yang dikatakan dilakukan pada ................................................ jam ......................... di ............................................................................. seperti mana Laporan Polis .....................................................

Bertarikh: ……………………………

........................................................
Timbalan Pendakwa Raya
Negeri ………………..........…….